



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**3 JULAI 2021 (SABTU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**3 JULAI 2021 (SABTU)**



Cari penyelesaian menang-menang untuk semua

# Timbalan Menteri akui caj membebankan

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mencari mekanisme terbaik bagi meringankan beban pengguna yang terkesan dengan caj yang ditetapkan penyedia aplikasi penghantaran makanan.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, siasatan pihaknya mendapati penyedia aplikasi penghantaran makanan mengenakan caj 20 hingga 38 peratus yang diakui amat tinggi dan membebankan.

"Sebahagian besar (caj) terpaksa ditanggung pengguna atau pelanggan dan hakikatnya (keuntungan) tidak diperoleh oleh pengusaha kedai makanan.

"Rata-rata pengguna mengeluh dan sudah pasti KPDNHEP mengambil serius dan sedang memikirkan solusi dalam usaha meringankan beban mereka," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Rosol, bagi menangani isu itu, pihaknya bercadang untuk memilih pendekatan advokasi menggunakan prinsip menang-menang untuk semua.

Ujarnya, penyedia aplikasi penghantaran makanan, pengusaha restoran dan pengguna akan dilibatkan bagi mencapai jalan penyelesaian yang memuaskan hati semua pihak.

"Pertemuan itu sepatutnya dicadangkan pada akhir bulan lalu, namun terpaksa ditangguh berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh.



**ROSOL mendedahkan siasatan pihaknya mendapati penyedia aplikasi mengenakan caj sehingga 38 peratus yang disifatkan terlalu tinggi.**



**KERATAN Kosmo! 17 Jun 2021.**

"Kita berharap ada tarikh baharu (pertemuan) untuk mencari jalan tengah bagi mengatasi masalah ini dalam masa terdekat," katanya.

*Kosmo!* pada 17 Jun lalu melaporkan peniaga yang bergantung harap kepada perkhidmatan penghantaran makanan merayu agar pengendali aplikasi itu mengurangkan kadar komisen yang dianggap tinggi.

Peniaga dan pemilik restoran

mendakwa, mereka perlu membayar komisen kepada pengendali aplikasi sehingga 30 peratus daripada harga setiap item makanan atau minuman yang ditempah para pelanggan.

Keadaan itu menyebabkan ramai peniaga terpaksa menaikkan harga makanan dan minuman untuk menampung bayaran caj tersebut bagi mengelakkan mereka mengalami kerugian.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati harga makanan di kedai dan restoran meningkat sehingga 30 peratus bagi satu menu berbanding bayaran yang dikeluarkan bagi pelanggan yang datang secara terus ke premis.

Ia sudah pasti membebankan pelanggan kerana kumpulan tersebut juga perlu membayar caj penghantaran mencecah RM6 bergantung kepada jarak.

## KPDNHEP jamin bekalan makanan cukup di Lembah Klang



KPDNHEP akan melakukan pemantauan setiap hari bagi memastikan bekalan barangan asas mencukupi. - GAMBAR HIASAN

**PUTRAJAYA** - Bekalan makanan dan barangan keperluan dijamin mencukupi sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 16 Julai ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, beliau mengambil maklum pelaksanaan PKPD itu melibatkan penutupan hampir semua sektor ekonomi.

Menurut beliau, pengguna terutama di Lembah Klang dinasihatkan agar tidak membuat pembelian panik dan berlebi-

han bagi mengelakkan gangguan bekalan di premis jualan.

"Kami akan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan setiap hari bagi memastikan bekalan barangan asas di seluruh negara termasuk Selangor dan Kuala Lumpur yang dikenakan PKPD mencukupi.

"Menjadi harapan kementerian agar semua pihak terutama peniaga dan pengguna mengambil tanggungjawab bersama memastikan keselamatan dan kesihatan melalui kawalan sendiri," katanya di sini semalam.

Pada masa sama, Alexander memberitahu, lapan aktiviti ekonomi dibenarkan sepanjang pelaksanaan PKPD di Selangor

dan Kuala Lumpur seperti pasar raya, farmasi, kedai serbaneka dan kedai runcit dengan had pengunjung yang ditetapkan.

"Selain itu, aktiviti lain yang dibenarkan adalah kedai makan, stesen minyak, kedai penjagaan dan makanan haiwan.

"Aktiviti lain yang dibenarkan seperti e-dagang bagi semua kategori produk serta pemborongan selain pengedaran bagi kategori produk perkhidmatan perlu," katanya.

Perincian operasi perkhidmatan perlu tertakluk kepada Jawatankuasa Keselamatan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Penyelarasan dan Pengurusan Covid-19 Kuala Lumpur.



## KPDNHEP jamin barang keperluan mencukupi

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barangan keperluan di seluruh negara mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sektor perdagangan dan pengedaran yang melibatkan barangan asas serta perkhidmatan perlu masih beroperasi.

"Orang ramai di kawasan PKPD di mukim Selangor dan lokaliti Kuala Lumpur diingatkan tidak melakukan pem-

belian panik yang boleh mengganggu bekalan di premis jualan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, pasar raya dan pasar raya besar yang mempunyai zon makanan serta minuman, farmasi dan restoran di kompleks beli-belah dibenar beroperasi dengan menghadkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa.

"Seorang pelanggan ditetapkan bagi setiap keluasan empat meter persegi premis perniagaan," katanya.

Alexander berkata, waktu operasi pusat pengedaran tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Premis perniagaan yang menjalankan

perniagaan secara e-dagang hanya dibenarkan untuk operasi pembungkusan dan penghantaran tertakluk kepada waktu operasi ditetapkan oleh PBT," katanya.

Tambahnya, kedai perkakasan, bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti tidak dibenarkan beroperasi sepanjang PKPD.

Ujarnya, pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan oleh kementerian setiap hari bagi memastikan keberadaan bekalan barangan keperluan asas di semua negeri.

"KPDNHEP berharap semua pihak bertanggungjawab mematuhi SOP ditetapkan," katanya.

## Nanta: Plan grocery shopping to avoid crowds, Covid virus

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has urged people to plan their grocery shopping to avoid crowding at shops, which could lead to a rise in Covid-19 cases.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yesterday said those in Selangor and Kuala Lumpur should not panic-buy ahead of the two-week Enhanced Movement Control Order (EMCO) that starts today in some sub-districts and localities.

"The ministry will ensure there is a stable and sufficient supply of essential items nationwide throughout the EMCO period.

"Ministry personnel will conduct daily checks to ensure sufficient supply in all states," he said, reminding shoppers to adhere to standard operating procedures (SOP).

He said supermarkets and hypermarkets, pharmacies, convenience stores, mini marts and eateries in shopping malls were allowed one customer per 4 sq m

of the premises at a time.

He said operating hours for distribution centres were subject to municipal council regulations, while dining in at restaurants was prohibited.

Operating hours for convenience shops in petrol stations were also subject to the local authority. Only retail activities are allowed at pet shops, pet care centres and hardware stores.

"Installation of appliances and repairs at homes by contractors are not allowed."

He said workshops and car washes were not allowed to open.

"Premises running e-commerce business are allowed only to wrap and deliver goods that are essential, subject to the operational hours set by the local government."

Further details on operations for other essential services under the trade sector could be referred to the respective Covid-19 coordination and management committees in Selangor and Kuala Lumpur, he said.



**HARGA** barangan pengguna kian meningkat terutama dalam tempoh PKP.

## *Harga barangan mencanak naik*

ANTARA isu yang menjadi kerungsingan saya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung kini ialah mengenai harga barangan yang melambung naik.

Barangan basah seperti ikan dan udang antara tidak masuk akal harganya. Udag

contohnya sampai RM40 sekilogram.

Saya menyarankan supaya kerajaan memantau harga barangan pengguna.

Saya tidak mahu pemborong sesuka hati menaikkan harga atas alasan Covid-19.

Saya yang dulu golongan

M40 kini sudahpun jatuh ke B40. Mana mampu kalau harga bahan mentah naik selalu. Di Malaysia kalau barangan naik harga, tidak akan nampak bayang ia akan turun.

**KECEWA,**  
Sungai Tua



Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.85
• Daging lembu tempatan	RM30
• Daging lembu import	RM29.90
• Telur Gred A (30 biji)	RM11.10
• Ikan kembung	RM8.90
• Minyak masak	RM6.35
• Gula pasir	RM2.85
• Bawang besar holland	RM2.80
• Bawang putih	RM5.50
• Cili merah	RM8.95
• Kubis tempatan	RM3.49
• Tepung gandum	RM2.20

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP